

# Prestasi universiti sentiasa dipantau

*“Ini adalah untuk memastikan Ketua-Ketua Jabatan dan semua staf bekerja berpanduan arah dan matlamat yang jelas,”  
- Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim*

Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sepatutnya membangunkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) untuk dijadikan sebagai panduan dalam merencana perancangan dan operasi di setiap peringkat jabatan dalam universiti.

SKT adalah sebagai sumber rujukan bagi membantu pegawai di setiap peringkat dalam organisasi menetapkan sasaran kerja tahunan.

lanya bermula dengan penggubalan perancangan tahunan organisasi, penyediaan rancangan kerja di peringkat jabatan/bahagian/unit dan seterusnya di peringkat penyediaan program, aktiviti serta tindakan kerja.

Kesepakatan dalam membangunkan SKT itu dicapai dalam Bengkel Semakan Semula Pelan Strategik UMP 2008-2010 yang diadakan pada 13 hingga 15 Februari 2009 yang lalu di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Objektif utama bengkel adalah bagi melakukan semakan dan analisis terhadap prestasi universiti melalui pelaksanaan dan pencapaian strategi dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pelan Strategik UMP bagi tahun 2008.

Semua sasaran dan KPI yang ditetapkan juga dilaporkan kepada Naib Canselor semasa bengkel berlangsung.

Menurut Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, operasi UMP mestilah berdasarkan kepada perancangan dan hala tuju yang telah ditetapkan.

“Ini adalah untuk memastikan Ketua-Ketua Jabatan dan semua staf bekerja berpanduan arah dan matlamat yang jelas.

“Selain itu, kita akan nampak objektif sesuatu kerja, bersikap adil dan telus dalam mempertingkatkan produktiviti kerja staf dan universiti secara keseluruhannya,” katanya.

Tambah beliau, dalam memantapkan SKT universiti, kekangan dan masalah yang dihadapi dalam usaha untuk merealisasikan strategi, projek atau program dan KPI diambil maklum oleh pihak pengurusan universiti.

“Pihak pengurusan universiti akan memastikan sumber yang mencukupi dan bersesuaian diberikan kepada jabatan-jabatan bagi memastikan sasaran yang tidak dapat dicapai pada tahun lalu dicapai pada tahun ini,” ujar beliau lagi ketika menyampaikan ucapan perasmian di hadapan kira-kira 41 orang peserta bengkel.

Turut hadir ialah Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan.



Oleh: ZAINAL HJ BAHARI

Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang telah dilantik oleh Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) sehingga kini telah melatih 148 orang pekerja dari Industri Kecil & Sederhana (IKS).

Program yang diberi nama *Skills Upgrading Programme* itu melayakkan CENFED menerima geran latihan tahunan daripada SMIDEC bagi melatih pekerja-pekerja IKS menerusi 34 program yang diluluskan. Di bawah program itu, 80% daripada yuran latihan adalah dibiayai oleh SMIDEC.

Objektif program adalah bagi meningkatkan kemahiran pekerja IKS agar kemahiran mereka dapat dipertingkatkan di samping membantu kepada pertumbuhan dan daya saing syarikat.

Syarat kelayakan untuk mengikuti program ini adalah seperti berikut:

- i. Syarikat di dalam sektor perkilangan (termasuk asas tani) dan perkhidmatan berkaitan yang mempunyai nilai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta atau jumlah pekerja sepenuh masa kurang daripada 150 orang; dan
- ii. Syarikat di dalam sektor perkhidmatan (termasuk ICT) yang mempunyai nilai jualan tahunan tidak melebihi 5 juta atau jumlah pekerja sepenuh masa kurang daripada 50 orang.

Menurut Pengarah CENFED, Mohammad Rozi Hassan, permintaan terhadap kursus ini amat